



R GR 26-05 00157 RA990

RAH

Mahathir - Kampung 3 Seremban !!!

Katanya, kerajaan berharap pada tahun 2020, kampung-kampung di negara ini menjadi kampung yang tersusun dan semuanya mempunyai bekalan elektrik, air, telefon dan penduduknya tinggal dalam rumah batu.

Reliau berharap, masyarakat kampung bersedia menerima perubahan yang diharap oleh kerajaan walaupun mereka mungkin terpaksa mengubah tradisi seperti dalam soal tempat tinggal.

Sambil menegaskan kerajaan tidak mempunyai niat untuk menindas orang-orang kampung, beliau berkata, tidak ada makna sekiranya negara ini maju pada tahun 2020 tetapi pembangunan hanya wujud di bandar-bandar.

+Kita hendak kampung-kampung juga dihangunkan supaya setaraf dengan sebuah kampung dalam negara maju... kita tak hendak melihat rumah-rumah yang roboh tetapi kita hendak orang kampung hidup selesa sebagai rakyat negara yang merdeka dan maju,+ katanya.

Reliau berkata, mungkin ada orang yang menyatakan akan terhapuslah tradisi kampung jika penduduknya tidak lagi tinggal dalam rumah atap tetapi berubah untuk tinggal dalam rumah batu. -- Lagi

♥26/05/10-32MST

R GR 26-05 00189 RA001

RAH

Mahathir - Kampung 4 Seremban !!!

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tradisi ialah sesuatu yang diamalkan +herkali-kali, bertahun-tahun+ dan sekiranya masyarakat kampung mengamalkan hidup dalam rumah batu, maka itulah yang akan menjadi tradisi mereka.

Reliau membidas sesetengah +orang putih+ yang menggesa supaya dikekalkan tradisi orang Melayu tinggal dalam rumah atap kononnya ia menarik pemandangan.

+Kita tak hendak tradisi ini... sebenarnya tradisi bergerak dan berubah, orang Melayu pun berubah dan kini tinggal di rumah yang lebih baik,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, program memajukan kampung itu membuktikan bahawa kerajaan tidak berbuat sesuatu hanya ketika berhadapan dengan pilihan raya untuk memancing undi.

Reliau berharap rakyat dapat melihat Kampung Jimah Baru menjadi sebuah bandar kecil yang teratur pada tahun 2020.

+Saya tak ada lagi pada ketika itu... 30 tahun panjang lagi tapi tak apalah, kalau kita cuma hendak huat setakat kita boleh tengok semasa hayat sahaja, ini nampaknya tamak dan hanya untuk diri sendiri,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, yang penting, segala pembangunan yang diusahakan itu ialah untuk menyediakan kehidupan yang lebih selesa bagi generasi akan datang. -- Bernama.